

Suruhanjaya Siasatan Harus Di Tubuhkan Segera Untuk Mencari Punca Kebakaran Di HSA – TPM

ZAHID HAMIDI – Deputy Prime Minister of Malaysia

October 25, 2016

By Admin

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mahu Suruhanjaya Siasatan ditubuhkan segera bagi menjalankan siasatan terperinci berhubung kejadian kebakaran di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Sultanah Aminah (HSA) pagi tadi yang mengorbankan enam nyawa.

Zahid Hamidi berkata, hasil siasatan itu kemudian akan digunakan sebagai panduan kepada semua hospital di negara ini terutama bagi hospital yang perlu diubah suai atau dinaik taraf.

“Saya mengarahkan setiap hospital dan klinik kerajaan mempunyai laporan keselamatan dan kesihatan terutama berkait aspek keselamatan dan penyelenggaraan bangunan.”

“Ini perlu kerana kepentingan aspek penyelenggaraan termasuk sistem pendawaian dan keperluan menaik taraf struktur bangunan di hospital bagi mengelak kejadian yang serupa berulang.”

zahidhamidi1.jpg “Saya berasa dukacita atas tragedi kebakaran di Unit Rawatan Rapi Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru yang berlaku pagi tadi.

“Saya mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa dan kerajaan akan memastikan setiap bantuan dan keperluan kepada keluarga mangsa disegerakan.”

Zahid Hamidi berharap Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S. Subramaniam dapat membentangkan satu laporan penuh dalam mesyuarat Kabinet minggu hadapan.

zahidhamidi4.jpg

“Saya memuji usaha barisan kerajaan negeri pimpinan Menteri Besar Johor Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin yang bertindak segera membantu mangsa, pesakit dan orang ramai di HSA.”

“Kami di kerajaan pusat akan membantu sebaik boleh yang kita mampu lakukan. Diharapkan pada mesyuarat Kabinet minggu depan Datuk Seri S. Subramaniam akan dapat membentangkan (laporan penuh) supaya tindakan susulan dapat dibuat segera”.

“Apa yang penting sekarang adalah keselamatan pesakit lain, kakitangan hospital serta bahagian bangunan yang lain berada dalam keadaan selamat dan tidak terjejas.

Bagi memastikan HSA kembali beroperasi secara normal, tindakan segera jangka pendek yang akan diambil adalah menyediakan kemudahan ICU di satu lokasi hospital itu yang lengkap dengan peralatan secukupnya.

zahidhamidi3

“Ini termasuk laluan keselamatan dan lokasi berkumpul yang mudah diakses ke tempat lebih selamat dengan kadar segera kerana Prosedur Operasi Standart (SOP) Kecemasan sewajibnya diaplikasikan sebagai persediaan kesiapsiagaan,” katanya.

Zahid Hamidi turut merakamkan ucapan terima kasih kepada pasukan penyelamat termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat, Polis Diraja Malaysia, RELA dan kakitangan di HSA yang mengambil tindakan awal menyelamatkan mangsa dan memindahkan pesakit-pesakit ke tempat selamat.

Copyright of Blog at WordPress.com.

Source: <https://zahidhamidi.com/2016/10/25/suruhanjaya-siasatan-harus-di-tubuhkan-segera-untuk-mencari-punca-kebakaran-di-hsa-tpm/>